



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

**invest[®]
smart**

A Securities Commission Malaysia Initiative

MENYOKONG INISIATIF



FEN FINANCIAL
EDUCATION
NETWORK

Mengenai InvestSmart



InvestSmart® merupakan inisiatif pemeraksanaan pelabur Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang bermatlamat untuk:

- Mewujudkan pelabur berhemah yang mampu membuat keputusan pelaburan yang bijak
- Mendidik pelabur mengenai pelbagai produk dan perkhidmatan pasaran modal
- Meningkatkan kesedaran terhadap scam dan aktiviti tidak berlesen

Untuk maklumat lanjut, lawati www.investsmartsc.my atau ikuti kami di



@InvestSmartSC

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
T 03 6204 8999
E aduan@seccom.com.my
www.sc.com.my

Berwaspada terhadap...

1. Penipuan Kumpulan Sembang
'Group Chat Scam'



2. Penipuan Firma Klon
'Clone Firm Scam'



3. Penipuan Pemalsuan Wajah
'DeepFake Scam'




4. Penipuan Peluang
Pekerjaan
'Job Scam'



5. Penipuan Percintaan
'Love Scam'



Tanda-tanda penipuan pelaburan



1. Dipromosikan melalui media sosial

2. Menjanjikan pulangan yang tinggi dalam masa yang singkat



Bronz Package

Invest: RM100
Returns: RM3,000



Berlian Package

Invest: RM1,000
Returns: RM20,000




3. Menggunakan testimoni palsu dan mempamerkan imej barangan mewah seperti emas, beg berjenama, dan kereta mewah

4. Menggunakan sijil/dokumen palsu daripada pihak berkuasa



5. Bayaran diminta untuk didepositkan ke akaun bank milik individu atau pihak yang tidak berkaitan (akaun keldai)




6. Menuntut pembayaran seperti yuran, cukai, caj admin dll sebelum mangsa dapat mengeluarkan keuntungan yang besar



7. Dipromosikan sebagai peluang pelaburan "masa terhad"

8. Menyalahgunakan nama entiti atau imej individu yang berpengaruh



#1 Penipuan Kumpulan Sembang (Group Chat Scam)

- Pelabur dimasukkan ke dalam kumpulan WhatsApp/Telegram tanpa pelawaan.
- Scammer mendakwa diri sebagai pakar dan mempromosikan produk pelaburan yang tidak wujud.
- Kebanyakan ahli kumpulan sembang merupakan sebahagian daripada skim penipuan tersebut.
- Menggunakan testimoni palsu.
- Bayaran diminta untuk didepositkan ke akaun bank milik individu atau pihak yang tidak berkaitan (akaun keldai)



#2 Penipuan Firma Klon (Clone Firm Scam)



- Menyamar sebagai wakil firma yang berlesen/berdaftar dengan SC seperti menggunakan nama firma dan penjenamaan yang hampir sama.
- Mempromosikan skim pelaburan palsu dengan pulangan tinggi yang luar biasa dan berisiko rendah.
- Mempromosikan skim melalui media sosial seperti Facebook, Telegram, dan WhatsApp.
- Bayaran diminta untuk didepositkan ke akaun bank milik individu atau pihak yang tidak berkaitan (akaun keldai).

#3 Penipuan Pemalsuan Wajah (DeepFake Scam)



- Menyalahgunakan video atau audio palsu individu terkenal bagi menipu pelabur untuk menyertai skim penipuan.
- Penipuan biasanya bermula dengan scammer memuat naik video pemalsuan wajah (*deepfake*) individu terkenal di media sosial.
- Video tersebut akan mempromosikan pelaburan yang tidak wujud.
- Pelabur yang berminat akan ditujukan ke halaman pendaftaran palsu bagi mengumpul maklumat peribadi mereka.
- Setelah mendaftar, mangsa akan dihubungi oleh ejen penipuan untuk melakukan pemindahan wang ke dalam akaun keldai bagi tujuan pelaburan.




#4 Penipuan Peluang Pekerjaan (Job Scam)



- Penipuan bermula dengan tawaran kerja melalui media sosial.
- Tugas akan diberi kepada individu yang berminat dan komisen akan dibayar ke dalam akaun bank mereka.
- Tugas mungkin melibatkan pembelian produk atas talian, ulasan lokasi pelancongan, atau menyukai (*like*)/mengikuti (*follow*) halaman media sosial lain.
- Mangsa akan diperkenalkan kepada ejen atau broker lain setelah mereka menyiapkan tugas.
- Mangsa akan ditawarkan untuk melabur dalam mata wang kripto tidak wujud dan dijanjikan pulangan tinggi. Seterusnya, mangsa akan diberikan maklumat akaun bank keldai bagi tujuan pembayaran.
- Mangsa akan diminta untuk mendaftar di platform pelaburan yang dikongsi oleh ejen. Setelah pembayaran dibuat, mangsa akan menerima penyata pulangan pelaburan palsu namun akhirnya tidak akan dapat mengeluarkan pulangan.



ATM



#5 Penipuan Percintaan (Love Scam)

Nak
RM200
Sayang?



- Penipu akan menjalinkan hubungan romantik dengan mangsa melalui media sosial atau laman cari jodoh (*dating app*).
- Setelah berjaya memperdaya mangsa, penipu akan meyakinkan mangsa untuk melabur dalam skim pelaburan yang tidak wujud.
- Mangsa akan diminta untuk mendeposit wang ke dalam akaun keldai.
- Akhirnya, mangsa akan menyedari bahawa hubungan tersebut adalah satu penipuan.



Sebelum anda melabur...



Semak sama ada individu atau entiti tersebut berlesen/berdaftar dengan SC melalui Portal Semak Sebelum Labur :

<https://www.sc.com.my/investment-checker>



INVESTMENT CHECKER SEMAK SEBELUM LABUR

SHARE THIS PAGE



The SC Investment Checker allows you to verify if an individual or entity is authorised by the SC to offer, promote, or sell any capital market products and services in Malaysia.

If you have any doubt, please contact the SC at 0362048999 or email at aduan@seccom.com.my

Portal Semak Sebelum Labur SC membolehkan anda menyemak sama ada seseorang individu atau entiti diawalkan oleh SC untuk menawarkan, mempromosi atau menjual sebarang produk dan perkhidmatan pasaran modal.

Jika ada keraguan, hubungi SC di talian 0362048999 atau email ke aduan@seccom.com.my

Please enter a name or entity to search / Sila masukkan nama atau entiti yang ingin disemak



ADVANCED SEARCH



SCAN ME

5 langkah untuk tidak menjadi mangsa penipuan pelaburan



- 1 Berwaspada dengan peluang pelaburan yang ditawarkan di media sosial
- 2 Jangan deposit wang ke dalam akaun bank individu atau pihak tidak berkaitan
- 3 Hanya buat pembayaran ke akaun bank entiti yang berlesen atau berdaftar dengan SC
- 4 Pastikan anda rujuk Senarai Peringatan Pelabur SC di www.sc.com.my sebelum melabur
- 5 Jika ragu, hubungi SC di talian 03-6204 8999 atau aduan@seccom.com.my

COPYRIGHT © 2024 Securities Commission Malaysia

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in or introduced into a retrieval system, or transmitted in any form or by any means (graphical, electronic, mechanical, photocopying, recording, taping or otherwise), without the prior written permission of the Securities Commission Malaysia.